

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah sasaran aplikasi (yang diluluskan) dari sektor pembuatan untuk penilaian Industri 4WRD, Readiness Assessment (RA) untuk tahun 2020. Bilakah permohonan untuk RA akan dibuka untuk sektor Perkhidmatan Pembuatan (Manufacturing Services). Berapa jumlah syarikat yang berjaya memohon dana RA Intervensi (RA Intervention Fund) dan berapa banyak syarikat yang telah bermula menerima dana daripada RA Intervention Fund.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 atau Industry4WRD telah dilancarkan pada 31 Oktober 2018. Dasar ini bertujuan untuk membantu dan menggalakkan transformasi industri pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk menjadi lebih pintar, sistematik dan berdaya saing. Antara program-program utama di bawah Industry4WRD adalah Program Penilaian Kesediaan (*Readiness Assessment - RA*) dan Program Intervensi (*Intervention Programme*). Program RA adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan sesebuah syarikat pembuatan dan

perkhidmatan berkaitan pembuatan dan cadangan langkah-langkah penambahbaikan untuk beralih kepada Industri 4.0.

2. Bagi tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM15 juta bagi pelaksanaan pelbagai program termasuk program RA kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), latihan untuk penilai-penilai RA, Industry4WRD Summit, program seranta Industry4WRD dan lain-lain. Sebahagian besar peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk membiayai 500 PKS bagi mengikuti program RA. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah meluluskan sebanyak 508 PKS dalam sektor pembuatan di seluruh Malaysia bagi melaksanakan program RA yang dibiayai oleh pihak Kerajaan. Bagi tahun 2020 pula, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10 juta dengan mensasarkan sebanyak 450 PKS bagi mengikuti program RA. Sehingga Jun 2020, sebanyak 112 permohonan telah diluluskan untuk menjalani program RA.

3. Program RA juga turut dibuka kepada syarikat-syarikat dalam sektor Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan (*Manufacturing Related Services - MRS*). Garis panduan dan mekanisme pelaksanaan bagi sektor MRS telah selesai dibangunkan dan permohonan atas talian akan dibuka pada pertengahan bulan Julai 2020. Oleh itu, semua syarikat PKS MRS yang berminat boleh membuat permohonan secara atas talian melalui portal MITI.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Syarikat-syarikat PKS yang telah melalui program RA dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan berpeluang untuk mengikuti program Intervensi. Program ini memberi kemudahan sokongan kewangan kepada PKS dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan untuk mengaplikasikan teknologi Industri 4.0. Sejumlah RM35 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini bagi tahun 2019 dan 2020. Pelan intervensi merangkumi aspek latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi. Kesemua PKS yang telah menjalani program

## **NO SOALAN : 31**

RA yang dibiayai oleh Kerajaan layak memohon Dana Intervensi dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), agensi pelaksana untuk program ini.

5. Syarikat yang diluluskan akan menerima dana padanan secara 70:30 (maksimum RM500,000) berdasarkan perbelanjaan yang layak. Dalam membantu PKS untuk memulakan program intervensi, pihak Kerajaan juga akan memberi dana pendahuluan (maksimum 30%) sehingga RM150,000.00 daripada jumlah dana yang diluluskan, tertakluk kepada persetujuan oleh Jawatankuasa Kelulusan Dana Intervensi yang dipengerusi oleh MITI. Baki geran akan dibayar sepenuhnya selepas PKS berjaya melaksanakan pogram intervensi yang berkaitan.
6. Setakat 19 Jun 2020, MIDA telah menerima 54 permohonan bagi Dana Intervensi daripada syarikat-syarikat PKS yang telah menjalani RA. Daripada jumlah ini, sebanyak 15 permohonan telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.